



## MAJLIS IBADAT KORBAN KUKUM

**Seperti** tahun mana tahun lepas, pada Hari Raya Korban tahun ini KUKUM turut mengadakan Majlis Ibadat Korban yang mana ianya telah dianjurkan oleh Unit Agama Islam KUKUM pada 02 Februari 2004 (Hari Raya Ke-2) yang lalu. Sebanyak 2 ekor lembu dan seekor kambing telah disembelih di dalam majlis tersebut. Lembu-lembu dan kambing yang dikorbankan ini adalah sumbangan daripada kakitangan KUKUM sendiri. Lebih kurang 50 orang yang terdiri daripada kakitangan serta pelajar KUKUM dan penduduk berhampiran telah hadir pada majlis tersebut. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Y. Bhg. Lt. Kol. Prof. Dr. Kamarudin Hussin, Rektor KUKUM. Semua daging-daging hasil korban ini telah diagihkan kepada semua yang hadir.